

**TEKS USUL**  
**PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2018**

**USUL MENGHENTIKAN PENGAMBILAN PEKERJA ASING**  
**OLEH MUHAMMAD SYAMIL BIN SHAHIDAN**

Kementerian Dalam Negeri pada tahun lalu melaporkan pekerja asing berdaftar di negara ini berjumlah 2.1 juta atau 15.5 peratus daripada keseluruhan guna tenaga di Malaysia, manakala pekerja asing tanpa izin dianggarkan berjumlah melebihi tiga juta orang. Oleh hal yang demikian, saya ingin menggesa kerajaan negeri Pulau Pinang bagi mendesak kerajaan persekutuan menghentikan pengambilan pekerja asing. Hal ini demikian kerana rakyat Malaysia berasa tidak berpuas hati dengan pengambilan pekerja asing yang menyebabkan mereka hilang punca untuk mencari rezeki.

Data guna tenaga manusia yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, bagi suku pertama 2018, menunjukkan kadar pengangguran di Malaysia ialah 3.3 peratus, iaitu 510,000 penganggur. Mengikut perangkaan 2017, hanya 28.1 peratus daripada mereka yang mempunyai pendidikan tinggi yang bekerja manakala seramai 71.9 peratus daripada mereka yang tidak mempunyai pendidikan tinggi telah pun bekerja.

Kerajaan juga harus menerima hakikat bahawa kebanjiran pekerja asing boleh membawa kepada masalah sosial dan keselamatan negara. Selain itu, ia juga boleh menyebabkan nilai ringgit jatuh apabila Ringgit Malaysia ditukar ke mata wang asing oleh pekerja untuk dihantar pulang ke negara masing-masing. Oleh itu langkah jangka panjang bagi mengelakkan kebergantungan kepada tenaga pekerja asing perlu difikirkan.

Walaupun pekerja asing mampu meningkatkan 'output', pertumbuhan 'output' menjadi perlahan kerana kebanyakan mereka adalah tidak mahir. Kajian menunjukkan sumbangan positif mereka terhadap pertumbuhan 'output' hanya daripada pekerja asing mahir dan separa mahir. Itu pun ia hanya berlaku dalam jangka panjang selepas mereka lebih berpengalaman dalam pekerjaan masing-masing.

Sebahagian besar pekerja asing adalah tidak mahir dan sanggup menerima upah rendah. Ini boleh membantutkan pertumbuhan upah dan menyekat pekerja tempatan

dalam proses tawar-menawar upah, lebih-lebih lagi sekiranya pekerja asing itu pengganti kepada pekerja tempatan. Secara imbasan kesan negatif lebih dominan daripada kesan positif. Saban hari kita dikejutkan dengan pengangguran siswazah yang menggambarkan terlebih penawaran daripada yang diperlukan pasaran. Mungkin Malaysia masih memerlukan pekerja berkemahiran rendah, namun kita terlebih didik rakyat tempatan.

Kemungkinan pula pekerjaan yang tersedia banyak yang berbentuk sektor pekerjaan '3D: Danger, Dirty, and Difficult' tidak sanggup dilakukan oleh rakyat tempatan, walaupun mereka berpendidikan rendah dan pekerjaan itu sesuai dengan kelayakan akademik mereka. Jika kita meninjau data pasaran buruh Malaysia, kelihatan masalah ketidaksepadanan agak serius. Pada satu sudut kita lihat lambakan pekerjaan tidak terisi dan di sudut lain, jumlah penganggur masih berleluasa. Malah akhir-akhir ini kita dikejutkan dengan banyak kes pembuangan kerja oleh syarikat swasta di Malaysia. Lazimnya pekerja asing memang masih diperlukan di Malaysia. Namun persoalannya, berapa ramai dan apakah tahap mereka yang sepatutnya diambil? Dalam jangka pendek pengambilan pekerja asing tidak mahir mungkin tidak boleh dielakkan. Namun, mereka perlu dihadkan kepada sektor tertentu seperti pertanian dan pembinaan. Sektor lain perlu dibuka luas kepada pekerja tempatan terutama yang berkelulusan menengah dan layak bekerja di sektor perkhidmatan dan pembuatan.

Dalam jangka masa panjang kerajaan perlu mempunyai strategi tertentu dalam mengoptimalkan kehadiran pekerja asing. Malaysia menuju ke arah negara maju yang bertunjangkan teknologi tinggi dan penggenap kepadanya adalah pekerja berkemahiran tinggi. Kerajaan perlu menggalakkan penggunaan teknologi, seperti Kerajaan Singapura menawarkan sehingga 75 peratus pembiayaan bagi teknologi yang boleh mengurangkan penggunaan tenaga manusia.

Oleh itu, selagi berlakunya ledakan pekerja asing tidak mahir, selagi itu ia memberi gambaran kepada teknologi rendah yang masih mendominasi proses pengeluaran di Malaysia. Saya merasakan adalah lebih wajar dan baik sekiranya penduduk tempatan sendiri diberi latihan yang secukupnya di samping gaji yang setimpal untuk diserapkan mereka dalam sektor kerja separa mahir ini. Sektor-sektor ini kurang diminati oleh penduduk tempatan kerana kadar gaji yang rendah dan masa kerja yang panjang.

Saya risau dengan keadaan semasa di negara kita dimana beribu-ribu pekerja asing yang beroperasi secara haram dan tiada sebarang dokumen sah akibat pelbagai faktor. Kerajaan seharusnya mencari jalan penyelesaian bagi menangani isu pendatang asing agar tidak mengugat kesejahteraan dan pekerjaan rakyat tempatan.

Secara tuntasnya, saya merasakan sekiranya kerajaan serius dengan pengiktirafan untuk mencapai negara berstatus berpendapatan tinggi, maka mereka harus menghadkan pekerja asing di tempat kerja. Tetapi berdasarkan perkembangan semasa yang berlaku saya kurang yakin bahawa hasrat tersebut boleh dicapai. Sehingga ke hari ini lebih kurang 7 juta pekerja asing berada di negara ini dan hanya 2.1 juta sahaja yang memiliki dokumen yang sah. Kementerian harus menjalankan kajian serta analisa yang mendalam berkaitan pemecatan, pengganguran dan keperluan pasaran tenaga kerja bagi membolehkan kerajaan menghadkan pengambilan pekerja asing secara beransur-ansur.

Pengumuman kerajaan ini menunjukkan seolah-olah hasrat kerajaan untuk mengecualikan mereka dari Perintah Gaji Minimum. Saya membantah sama sekali tindakan diskriminasi ini.

Negara tidak harus bergantung kepada sumber tenaga kerja dari negara asing. Keadaan ini sudah tentu akan memudaratkan ekonomi tempatan dan memberi kesan buruk kepada penduduk tempatan. Sejak kebelakangan ini kita sering mendapat laporan yang kurang sihat, penglibatan penduduk tempatan dalam pelbagai aktiviti jenayah dan aktiviti kurang sihat. Ini perlu ditangani secara harmoni bagi kebaikan bersama dan kesejahteraan negara. Rakyat dijaga, negara harmoni, wakil rakyat gembira.

Sekian, terima kasih.

**Mohd Syamil Bin Shahidan**  
**Ahli Sidang Muda 2018**